

Headline	Jangan beri makanan kepada haiwan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	22	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	427 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,439
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,318



Jangan beri makanan kepada haiwan

SEKIRANYA anda beranggapan bahawa memberi makanan kepada haiwan adalah tindakan yang baik, anda perlu berfikir lebih panjang. Sebenarnya ia adalah tindakan yang tidak bertanggungjawab walaupun berniat baik kerana haiwan tersebut akan menjadi lebih bergantung kepada manusia dan mereka boleh menjadi agresif apabila tidak mendapat makanan.

Ketua Komunikasi Korporat Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), **Norhayati Nordin** menyeru pengunjung supaya menghentikan pemberian makanan seperti roti dan sebagainya kepada monyet dan haiwan-haiwan lain di kampus FRIM khususnya di Taman Botani Kepong (KBG).
"Haiwan mempunyai keupayaan untuk mencari



NORHAYATI NORDIN

makanan sendiri di FRIM kerana terdapat pelbagai spesies pokok buah-buahan. Apabila pengunjung memberi makanan kepada mereka, mereka berubah menjadi bergantung kepada makanan yang diberi manusia.

"Populasi mereka akan bertambah dan mereka menjangka semua pengunjung ke kampus FRIM akan memberi makanan. Apabila tidak mendapat makanan, mereka akan menjadi agresif dan mungkin akan menyerang pengunjung untuk mendapatkan makanan," katanya.

Norhayati berkata, senario tersebut berlaku di pelbagai tempat tarikan pelancong di dalam dan luar negara.

Beliau berkata, FRIM menerima beberapa aduan daripada pelawat yang berdepan dengan monyet dan anjing yang agresif.



"Jika pelawat diserang atau digigit, pihak berkuasa tempatan akan mengambil tindakan menghapuskan haiwan tersebut. Jadi, bagaimanakah pemberian makanan kepada haiwan itu baik bagi haiwan tersebut?" tambah beliau.
Norhayati berkata, FRIM merancang untuk memasang papan tanda serta membina

pagar di sekitar tempat letak kenderaan di KBG bagi menghalang pengunjung daripada membawa makanan untuk haiwan tanpa melalui pondok keselamatan di pintu masuk taman tersebut.
"Staf FRIM pernah melihat pengunjung membawa beg plastik besar yang mengandungi



JANGAN beri makanan kepada haiwan sesuka hati. - GAMBAR HIASAN

yang berdekatan," katanya.
Beliau juga menyeru mereka yang menjalankan aktiviti riadah supaya membantu dalam pemantauan serta menegur sesiapa yang memberi makanan kepada haiwan di FRIM demi kebaikan haiwan tersebut serta keselamatan semua pihak. Antara lain, mereka juga boleh maklumkan perkara ini kepada pihak keselamatan FRIM.

sisa-sisa roti terutama di KBG. Mereka sering memberi makanan kepada monyet berhampiran tempat letak kenderaan, dan kadang-kadang meninggalkan banyak roti yang terapung-apung di kolam air